



Perkasa usaha memartabatkan bahasa Melayu

Hakikatnya perjuangan untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu di negara ini tidak pernah berhenti mahupun diabaikan. Misalnya, kerajaan sendiri sudah mengiktiraf Oktober sebagai Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) dan ia sudah pun menjadi acara sambutan rasmi di peringkat nasional setiap tahun.

Pengiktirafan ini sekali gus membuktikan usaha dan komitmen pihak kerajaan untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu tidak pernah pudar dan dikesampingkan.

Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan sebenarnya sudah terpaten kemas dalam undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan di mana bahasa Melayu adalah bahasa rasmi persekutuan yang diterjemahkan melalui Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang memperuntukkan bahawa Bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan dan hendaklah digunakan sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran negara.

Namun, apa yang menyedihkan kita ialah roh dan semangat yang dibawa Perkara 152 serta Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 ini dilihat tidak dihayati sepenuhnya dan seolah-olah sengaja dilupakan dan tidak dipedulikan segelintir rakyat kita sendiri.

Kita juga perlu ingat bahawa bukan mudah status bahasa kebangsaan ini diberikan. Ia sudah dibincang, dibahas dan akhirnya sudah dipersetujui semua pihak terutama semua pemimpin politik yang mewakili semua kaum utama di negara ini semasa Perlembagaan itu digubal dan diluluskan.

Maka, sewajarnya tidak patut timbul soal bahasa Melayu dipinggirkan ataupun dikesampingkan dalam semua urusan baik yang rasmi mahupun tidak rasmi. Sepatutnya juga tidak perlu timbul isu keperluan untuk memperjuangkan bahasa ini kerana secara hakikinya dan juga secara automatiknyanya bahasa ini wajib didaulatkan dan dimuliakan semua pihak terutama setiap warga negara ini.

Namun, adakah perkara itu benar-benar berlaku? Rasanya tidak perlu lagi kita menuding jari menyalahkan orang politik mahupun Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kesedaran untuk memartabatkan bahasa kebangsaan perlu berputik dengan sendirinya di jiwa setiap seorang dari kita jika mahu bahasa ini terus mekar dan subur. Persoalannya ke mana hilang semangat bahasa jiwa bangsa?

Kita perlu sedar betapa bahasa kebangsaan ini besar peranannya jika kita mahu memantapkan perpaduan dan keharmonian

kaum di negara kita. Realitinya bahasa kebangsaan boleh menjadi jambatan penghubung utama untuk mewujudkan perpaduan antara kaum yang mutakhir ini mula goyah dan merisaukan.

Kita sewajarnya perlu bersatu dalam satu bahasa supaya komunikasi dan perhubungan antara kaum dapat dipereratkan serta dimantapkan dan seterusnya boleh mengelakkan segala rasa curiga, prejudis dan prasangka buruk sesama kita. Namun kita khuatir perkara itu tidak berlaku sepenuhnya sekarang.

Ini kerana masyarakat kita sememangnya sudah terpisah di antara satu sama lain dengan pelbagai budaya yang diamalkan oleh kaum masing-masing. Budaya ini adalah tradisi dan adat masing-masing yang menjadi amalan turun temurun yang tidak boleh dipadamkan begitu-saja, maka dalam aspek apa lagi kita boleh bersatu jika bukan melalui bahasa perantaraan yang satu iaitu bahasa Melayu.

Kita perlu terima kenyataan walaupun sudah 60 tahun kita merdeka, namun masih terdapat rakyat kita yang tidak fasih berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Ini satu senario yang cukup menyedihkan. Keadaan ini dapat dielakkan jika kita memberi penekanan yang sewajarnya dalam aspek pemahaman dan pembelajaran bahasa Melayu di peringkat sekolah terutama di sekolah jenis kebangsaan yang banyak mengutamakan bahasa ibunda masing-masing.

Realitinya kita perlu berpijak di

bumi nyata. Melihat senario semasa dalam kalangan masyarakat kita, ternyata pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di Sekolah Tamil dan Cina dilihat masih belum mantap dan mampu membantu anak-anak ini berkomunikasi dan bertutur dengan baik dalam bahasa Melayu.

Akibatnya bahasa rojak terus menjadi amalan harian mereka apatah lagi di rumah mengamalkan bahasa ibunda sendiri. Jika ini dibiarkan berlarutan maka seluruh generasi mereka juga akan terbawa-bawa dengan bahasa rojak itu.

Maka, besarlah harapan kita agar rakyat kita terutama kaum Cina dan India akan memandang serius isu ini dan mengambil kira keperluan untuk memantapkan kemahiran komunikasi dalam bahasa kebangsaan terutama dalam kalangan anak-anak mereka.

Terimalah hakikat bahawa bahasa Melayu bukan bahasa orang Melayu semata-mata, tetapi ia bahasa kebangsaan milik kita semua. Maka, jadikanlah bahasa Melayu sebagai jambatan perpaduan utama yang merapatkan silaturahim antara kaum di negara kita.

Dalam hal ini, orang Melayu juga perlu memainkan peranan yang sewajarnya. Misalnya, apabila mereka berkomunikasi dengan orang Cina ataupun India maka mereka sepatutnya menggunakan bahasa yang betul dan bukannya bahasa rojak dengan mengikut rentak pertuturan orang Cina atau pun India.

Ini banyak berlaku di kalangan masyarakat kita dalam perbualan dan urusan seharian. Perkara ini perlu dihentikan dan dibendung dengan segera kerana ini menunjukkan seolah-olah orang Melayu sendiri menggalakkan penggunaan bahasa Melayu yang tidak betul ataupun bahasa rojak sekali gus merosakkan bahasa kita.

Ringkasnya usaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan perlu terus diperkasakan, dimantapkan dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa secara kekal dan bukannya mengikut musim.

Untuk itu, semua pihak yang terlibat baik pembuat dasar, pelaksana mahupun organisasi dan individu seperti DBP, penjawat awam, pihak korporat, orang Melayu sendiri serta masyarakat secara keseluruhannya perlu berganding bahu agar sama-sama

dapat membantu membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa supaya citra bahasa kebangsaan terus dapat dimartabatkan. Bertindaklah sebelum terlambat atau sebelum nasi menjadi bubur. Jangan sudah kecurian baru mengunci pintu.

Kita khuatir jika keadaan ini berleluasa dan andai kita gagal untuk meletakkan bahasa kebangsaan di tempat yang sewajarnya pasti satu hari nanti anak cucu, kita hanya dapat membaca dalam buku sejarah bahawa bahasa Melayu pernah menjadi bahasa kebangsaan Malaysia. Sama-samalah kita bermuhasabah dan renung-renungkan perkara ini demi survival bahasa Melayu yang akan menelusuri kegemilangan bangsa dan negara ini.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan UPM**

Cintailah
**BAHASA
KEBANGSAAN
KITA**